

ANALISIS KATA KERJA DAN FRASA KERJA BAHASA MELAYU KOKOS DI PULAU HOME AUSTRALIA

Raja Masittah Raja Ariffin

rajamasittah@putra.upm.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Makalah ini memerikan bentuk dasar kata kerja dan frasa kerja dalam bahasa Melayu yang digunakan orang Melayu Pulau Kokos, terutamanya di Pulau Home, yang terletak di Lautan Hindi, di luar Dunia Melayu. Kajian ini berasaskan kerangka yang diperkenalkan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar (2008). Kajian ini berfokus pada penggunaan kata kerja, dan frasa kerja dalam komunikasi sehari-hari dalam kalangan anggota masyarakat Melayu di pulau tersebut. Wawancara dan temu bual dibuat dengan mengemukakan soalan terbuka untuk mendapatkan respons daripada informan dan kaedah pemerhatian turut serta digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan data kajian, kata dan frasa kerja yang terdapat dalam struktur ayat bahasa Melayu Kokos ialah kata kerja berlapis dan kata kerja majmuk, termasuklah kata kerja unggulan, kata kerja terbitan, kata kerja transitif, kata kerja tak transitif, dan kata kerja bantu. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Melayu Kokos menggunakan kata kerja sebagai satu sistem nahu yang dapat dibahagikan kepada subsistem tertentu yang penting dalam hubungannya dengan konteks dan makna.

Kata kunci: bahasa Melayu Kokos kata kerja, frasa kerja, sistem nahu

Abstract

This article describes the forms of verb stem and verb phrase of the Malay language used by the Malays in the Cocos Islands, Australia, especially on Home Island, located in the Indian Ocean, outside the Malay world. The study is based on the framework introduced by Emeritus Professor Dato' Dr. Asmah Haji Omar (2008). The study focuses on the usage of verbs and verb phrases in everyday communication among the island's Malay community. Interviews with open-ended questions were constructed to elicit responses from the informants and observations made. Based on the data collected, the verbs and verb phrases found in Cocos Malay sentence-structure are complex verbs and compound verbs which include single-word verbs, derivations of verbs, transitive and intransitive verbs and auxiliary verbs. The results show that the Cocos Malay uses verbs as a grammatical system which can be divided into certain subsystems which are important in relation to context and meaning.

Keywords: *Cocos Malay, verbs stem, verb phrase, grammatical system*

PENDAHULUAN

Pulau Home adalah antara 27 buah pulau batu karang yang terletak di Lautan Hindi. Bahagian utara pulau tersebut terletaknya Pulau Gangsa. Pulau Home terletak kira-kira 3,000 kilometer jauhnya dari barat daya bandar Perth di Australia Barat. Pulau Home ini juga merupakan petempatan awal orang Melayu Kokos pada tahun 1827 selepas Pulau Atas. Petempatan ini kekal sehingga kini. Kawasan penelitian bertumpu di Pulau Home, di Kepulauan Kokos, iaitu 45 minit perjalanan air dengan feri yang merentasi lagun dari jeti Pulau Panjang. Di Pulau Home terdapat lebih kurang 100 buah rumah atau keluarga dengan jumlah penduduknya seramai 600 orang. Mereka terdiri daripada nelayan dan pekerja di pejabat wilayah.

Hasil tangkapan ikan merupakan sumber pendapatan utama bagi kebanyakan penduduk di sini. Mereka telah turun-temurun tinggal di kawasan kajian. Bahasa Melayu Kokos merupakan bahasa yang dituturkan dalam lingkungan keluarga Melayu, masyarakat Melayu, dan masyarakat bukan Melayu di pulau itu. Pola penggunaan bahasa di Pulau Home masih belum terlalu terbuka kepada pengaruh baharu. Pulau Home ini baru dihubungkan dengan jalan air dari Pulau Panjang ke Pulau Home pada tahun 1997. Sebelum

itu, kedudukan pulau ini terpencil daripada hubungan luar kerana pemerintah individu yang dipanggil “Tuan Pulu” oleh orang Melayu Kokos pada waktu itu melarang keras penghuni pulau itu berhubung dengan masyarakat luar. Perintah ini menyebabkan anggota masyarakatnya pada waktu itu terkongkong dan terpaksa menetap di Kampung Baru di Pulau Home.

Pulau Home merupakan sebuah pulau yang unik kerana penduduknya berasal daripada beberapa buah negara di Indonesia seperti Sumatera, Jawa, Kalimantan, Makasar, Pulau Ambon dan sebagainya, yang bermastautin di Pulau Home. Mereka tetap mengekalkan tradisi Melayu yang dihayati oleh leluhur mereka di negara asal, iaitu menganut agama Islam, mengamalkan adat istiadat Melayu dan menggunakan bahasa Melayu Kokos dalam pertuturan sehari-hari. Terdapat banyak ujaran, dalam pertuturan mereka, yang mengandungi kata, frasa dan sintaksis yang menarik untuk dideskripsikan.

SOROTAN KAJIAN

Berdasarkan hasil penulisan terdahulu yang diteliti, hanya segelintir penyelidik yang pernah membuat kajian di Pulau Kokos, khususnya di Pulau Home. Antara kajian yang dikenal pasti ialah kajian berdasarkan pemerhatian turut serta dalam pengembaraan “Semarak Bahasa”, iaitu satu program dokumentari dengan usaha sama Dewan Bahasa dan Pustaka, Anugerah Media Network dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pengembaraan ini dilakukan di Australia Barat dan Timur, termasuklah Kepulauan Cocos (Keeling) dan Pulau Christmas, dari 25 April hingga 24 Mei 2004. Kajian yang berlandaskan pemerhatian turut serta ini diketuai oleh Prof. Emeritus Dato’ Dr. Asmah Haji Omar sebagai ketua penyelidik dan penulis skrip, bersama-sama dengan Cik Ramlah Muhammad dan Raja Masittah Raja Ariffin, serta beberapa orang kru penggambaran “Semarak Bahasa”. Hasilnya, sebuah buku yang berjudul *Bahasa Melayu di Samudera Benih yang Baik Menjadi Pulau* telah ditulis oleh Prof. Emeritus Dato’ Dr. Asmah Haji Omar dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2006. Edisi keduanya terbit pada tahun 2008.

Antara kajian lepas yang berkaitan dengan kehidupan orang Melayu Kokos yang pernah dilakukan oleh para penyelidik tempatan (Malaysia), termasuklah Wan Hashim Wan Teh (1999), Asmah Haji Omar (2004, 2006, 2008), Raja Masittah Raja Ariffin (2005, 2007); dan penyelidik Barat seperti Pauline Bunce (1988) dan K. Alexander Adelaar (1995).

Bunce menghasilkan sebuah buku dalam bahasa Inggeris tentang

masyarakat Melayu di Pulau Kokos yang berjudul *The Cocos (Keeling) Islands – Australian Atolls in the Indian Ocean* (1988). Buku ini telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu oleh Padilah Haji Ali dengan judul *Kepulauan Cocos (Keeling) Masyarakat Melayu di Australia*. Sebagai seorang ahli geografi, Bunce menyampaikan maklumatnya berdasarkan pendekatan geografi juga, iaitu dilihat dari sudut geologi, geomorfologi, iklim, jenis tanah-tanah, pembentukan lagun, tragedi ekologi, bentuk pantai dan tumbuh-tumbuhan semula jadi yang disampaikan secara terperinci. Di samping itu, Bunce memberikan juga sejarah dan latar belakang penempatan Kokos, kehidupan orang Melayu Kokos, adat perkahwinan dan serba sedikit tentang bahasa Melayu Kokos.

Adelaar (1995) telah menghasilkan sebuah laporan tentang Melayu di Kepulauan Cocos (Keeling) pada tahun 1992. Antara perkara yang disentuh ialah pemerian ringkas tentang tatabahasa Melayu Kokos, termasuklah inventori fonem, fungsi kata yang meliputi ganti nama diri orang pertama, kedua dan ketiga, tunggal dan jamak; dan morfosintaksis dengan mengemukakan beberapa contoh pengimbuhan dan pembentukan *periphrastic* seperti kekerapan penggunaan kata “punya” dan pembentukan kausatif seperti “kasi”. Walau bagaimanapun, menurut Adelaar semasa ditemu bual, beliau tidak membuat kajian lapangan di Pulau Home, tetapi mendapatkan maklumat daripada informan terpilih yang terdiri daripada orang Melayu Kokos yang tinggal di Australia Barat dan di Pulau Panjang. Informannya terdiri daripada lelaki sahaja dan amat sukar untuk mendapatkan maklumat daripada informan wanita. Dalam laporannya juga, Adelaar meletakkan status bahasa Melayu Kokos sebagai bahasa “rendah”, iaitu bahasa pasar atau *Trade Malay* yang merupakan *lingua franca*. Antara pengkaji Barat lain yang membuat kajian tentang Melayu Kokos ialah A.D. Lapsley dalam tesis sarjananya yang berjudul *Cocos Malay Syntax* di Universiti Monash, Australia (lihat Adelaar, 1995).

Selain itu, Wan Hashim Wan Teh (1999) ada menghasilkan sebuah kajian yang diterbitkan dalam bentuk buku yang berjudul *Rumpun Melayu Australia Barat* yang merupakan satu usaha untuk meneroka bidang baharu dalam pengajian Melayu, iaitu untuk meninjau keadaan orang Melayu dalam perspektif global. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri utama kelompok Melayu sebagai minoriti atau “Melayu diaspora” yang telah berhijrah ke luar alam Melayu seperti yang berlaku kepada orang Melayu di Sri Lanka, Mekah, Afrika Selatan, Surinam, England, Australia, Amerika Syarikat, Kanada dan Eropah. Kehadiran mereka di negara tersebut berpunca daripada penghijrahan yang berlaku pada

zaman kolonial. Kajian ini memperkenalkan sekelompok rumpun Melayu yang berasal dari Pulau Kokos dan kini kelompok Melayu minoriti ini menetap di beberapa kawasan di Australia Barat seperti Perth, Katanning, Geraldton, dan South Hedland dengan menemu bual informan utama dan bergaul dengan sebilangan ahli komuniti dalam ruang pertemuan yang agak terbatas. Wan Hashim mengemukakan latar belakang orang Melayu Pulau Kokos yang dikaitkan dengan sejarah kedatangan orang Melayu ke Pulau Kokos, kegiatan ekonomi, kepercayaan dan fahaman agama, adat resam, kesenian dan kegiatan masa senggang. Beberapa konsep sosiologi seperti migrasi, penyesuaian, asimilasi dan integrasi diterapkan dalam kajian ini. Kerangka rujukan yang dimanfaatkan adalah daripada Teori Robert E. Park tentang “kitaran hubungan ras (*race relations cycle*) yang mengandaikan bahawa dalam pertembungan dan interaksi antara puak minoriti dan golongan dominan yang berlainan kebudayaan, akhirnya puak minoriti dikatakan akan berasimilasi dengan golongan dominan”. Kajian beliau lebih mendekati aspek sosiologi dan tidak memberikan fokus terhadap bahasa dan ciri-cirinya.

Asmah juga telah menghasilkan sebuah makalah yang berjudul “Bahasa dan Budaya Melayu Kokos: Suatu Perkenalan” pada tahun 2004. Asmah menyentuh serba sedikit tentang asal usul bahasa Melayu Kokos, dan perkembangannya serta bahasa Melayu *lingua franca* sebagai asas dan juga pengaruh bahasa-bahasa asing seperti Portugis, Belanda dan Inggeris ke dalam bahasa Melayu Kokos. Tujuan utama kajian ini adalah untuk memberikan pengenalan dan gambaran secara am tentang bahasa Melayu Kokos supaya pembaca dapat menilai sendiri bahasa tersebut, sama ada masih merupakan dialek Melayu seperti dialek Kelantan, Kedah, dan Sarawak, atau sudah menjadi bahasa Kreol, iaitu satu sistem bahasa yang tersendiri. Dalam bukunya terbitan tahun 2006 dan 2008, Asmah menghuraikan bahasa Melayu Kokos dari segi hubungannya dengan bahasa Melayu Am, sejarah perkembangannya dan juga keadaan sosiolinguistiknya pada masa kini. Beliau juga menjelaskan secara ringkas rupa bentuk bahasa Melayu Kokos, yang dilihat dari aspek fonologi, morfologi, ejaan, ayat dan wacana, intonasi, kata depan, penjodoh bilangan, ganti nama diri dan sapaan.

Kertas kerja Raja Masittah (2005) yang berjudul “Rumpun Melayu Di Pulau Kokos: Suatu Persepsi” dalam buku yang berjudul *Sesama Serumpun* telah diterbitkan oleh Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun yang sama. Kertas ini merupakan hasil kajian yang dilakukan di Pulau Kokos pada tahun 2004, yang membincangkan fenomena rumpun

ANALISIS KATA KERJA DAN FRASA KERJA BAHASA MELAYU KOKOS

Melayu di Pulau Kokos, khususnya di Pulau Home. Antara perkara yang dibincangkan, termasuklah sejarah ringkas kedatangan orang Melayu di Pulau Kokos, penggunaan bahasa Melayu Kokos, agama dan budayanya, termasuklah sistem panggilan keluarga Melayu Kokos, Melayu Kokos dengan flora dan faunanya, dan aspek pendidikan. Kajian Raja Masittah (2007) yang lebih tuntas telah dihasilkan sebagai satu tesis PhD yang berjudul “Status Bahasa Melayu di Pulau Kokos, Australia” dan kemudian diubah suai dalam bentuk makalah yang diterbitkan dalam *Jurnal Bahasa* (2008).

ANALISIS KATA KERJA DAN FRASA KERJA

Kajian ini berusaha memerikan kata kerja dan frasa kerja yang wujud dalam bahasa Melayu Kokos. Walaupun data kajian diperoleh di lapangan pada tahun 2004 tetapi masih sesuai dan dapat dipertanggungjawabkan kesahihannya. Penelitian dimulakan daripada kata kerja dan bentuk-bentuknya dan diikuti oleh frasa kerja, termasuklah kata kerja unggulan, kata kerja terbitan, kata kerja berlapis, kata kerja transitif dan tak transitif, kata kerja bantu, kata kerja aspek dan kata kerja modalitas serta penggabungannya.

KATA KERJA

Kata kerja berfungsi pada predikat ayat. Seperti kata kerja yang terdapat dalam bahasa Melayu di Malaysia, kata kerja yang terdapat dalam bahasa Melayu Kokos juga terdiri daripada kata kerja berlapis dan kata kerja majmuk, yang dapat dibahagikan kepada kata kerja unggulan dan kata kerja terbitan. Seperti yang dinyatakan oleh Asmah (2008b:188), kata-kata dalam bahasa Melayu Kokos boleh terdiri daripada satu morfem sahaja, iaitu kata-kata yang tidak mengambil sebarang penambah. Dalam bahasa Melayu Kokos juga, kata-katanya boleh terdiri daripada dua morfem atau lebih yang terbentuk hasil proses penambahan atau penggandaan, atau kedua-duanya.

Kata Kerja Unggulan

Menurut Asmah Haji Omar (2008b:89), kata kerja unggulan ialah sekumpulan kecil kata kerja yang tidak mengambil sebarang penambah apabila berfungsi dalam predikat ayat. Antara contoh yang diperoleh daripada data yang terkumpul adalah seperti yang berikut:

RAJA MASITTAH RAJA ARIFFIN

(i) /datan/	=	datang
(ii) /tidor/	=	tidur
(iii) /mandi/	=	mandi
(iv) /kəluar/	=	keluar
(v) /makan/	=	makan

Selain itu, terdapat juga kata kerja unggulan yang terdiri daripada kata kerja berlapis, yang kata dasarnya ialah kata kerja. Contohnya:

(i) /məmbəʔi/	=	memberi
(ii) /bəjuʔan/	=	berjuang
(iii) /məmoton/	=	memotong
(iv) /məŋajar/	=	mengajar
(v) /bəlar/	=	belayar

Seperti dalam bahasa Melayu lisan yang dituturkan dalam situasi formal di Malaysia, bahasa Melayu Kokos di Pulau Home turut memperlihatkan persamaan dalam penggunaan bentuk unggulan bagi memberi makna perbuatan, sedangkan dalam bentuk yang baik dan betul, memerlukan imbuhan. Antara contoh ayat penggunaan bentuk ini dalam ujaran orang Melayu Kokos ialah:

1. Dia *panggil* bapanya *dad*. (Tidak formal/bersahaja)
2. Dia memanggil bapanya *dad*. (Bentuk lengkap/formal)
3. Dia *bawa* familinya tinggal di sini. (Tidak formal/bersahaja)
4. Dia membawa familinya tinggal di sini. (Bentuk lengkap/formal)
5. Kalau kita *goreng*, kita mesti *buang* tulangnya. (Tidak formal bersahaja)
6. Kalau kita menggoreng, kita mesti membuang tulangnya. (Bentuk lengkap/formal)
7. Dia *kerja* dengan Donald Jackson. (Tidak formal/bersahaja)
8. Dia bekerja dengan Donald Jackson. (Bentuk lengkap/formal)
9. Saya *main* organ di rumah Tuan John. (Tidak formal/bersahaja)
10. Saya bermain organ di rumah Tuan John. (Bentuk lengkap/formal)

Dalam contoh 1, 3, 5, 7 dan 9 di atas, iaitu *panggil*, *bawa*, *goreng*, *kerja* dan *main* ialah kata kerja unggulan dalam bahasa lisan, dan lazimnya tidak menggunakan awalan {*me-*} dan {*be-*, *ber-*}, manakala contoh 2, 4, 6, 8

dan 10 menggunakan imbuhan awalan {meN-}, yaitu {*me-*, *mem-*, *meng-*} dan {beR-}, yaitu {*be-*, *ber-*} dalam bahasa yang lebih formal.

Kata Kerja Terbitan

Kata kerja terbitan ialah kata kerja yang telah menerima salah satu imbuhan atau penambah, sama ada imbuhan awalan, akhiran, mahupun apitan. Dalam bahasa Melayu Kokos terdapat kata terbitan yang terhasil melalui gabungan imbuhan tersebut dengan kata dasar yang terdiri daripada kata kerja mahupun kata dasar daripada sistem yang lain, dan menghasilkan kata kerja. Setiap pengimbuhan atau penambahan yang berlaku itu membawa makna yang tersendiri. Contohnya:

- | | | |
|------------------|---|-----------|
| (i) /məmasaʔ/ | = | memasak |
| (ii) /məŋɔpɛʔ/ | = | mengopek |
| (iii) /masaʔkan/ | = | masakkan |
| (iv) /bəʔundɛŋ / | = | berunding |
| (v) /məlaʔikan/ | = | melarikan |

Kata Kerja Berlapis

Kata kerja berlapis ialah kata kerja unggunan atau kata kerja terbitan yang terbentuk melalui proses pengimbuhan, iaitu apabila kata akar atau kata dasar bergabung dengan salah satu imbuhan. Antara imbuhan yang terdapat dalam bahasa Melayu Kokos ialah imbuhan awalan {me-}.

Awalan {me-}

Kata kerja yang mempunyai awalan {me-} menunjukkan sesuatu perbuatan atau tindakan yang berlaku dengan membawa makna yang berbeza-beza dan bergantung pada sistem dan subsistem kata yang menjadi dasar dalam penggabungan tersebut. Penggabungan {me-} berlaku dengan kata kerja, kata nama, kata adjektif dan kata ganti nama sebagai kata akar atau kata dasar, seperti yang berikut.

Penggabungan {me-} dengan kata kerja sebagai kata dasar

Dalam bahasa Melayu Kokos, terdapat penggabungan {me-} dengan kata kerja yang membawa makna melakukan sesuatu perbuatan. Contohnya:

(i) /məɲələmbat/	=	menyelumbat
(ii) /məmbuɾu/	=	memburu
(iii) /məɲeŋgɔʔ/	=	melenggu
(iv) /məɲembaʔ/	=	menembak
(v) /məɲemukat/	=	memukat

Penggabungan {me-} dengan kata nama sebagai kata dasar

Subsistem nama yang dianggotai oleh kata dasar mempengaruhi makna yang didukung oleh {me-} seperti yang berikut.

1. Makna “menjadi” atau “menjadi seperti”

(i) /məɲabdi/	= mengabdi	= menjadi abdi atau seperti abdi
(ii) /məɲələtop/	= meletup	= menjadi seperti bunyi letupan
(iii) /məɲaŋgor/	= mengganggu	= menjadi pengganggu
(iv) /məɲənal/	= mengenal	= menjadi kenal
(v) /məɲələrat/	= melarat	= menjadi amat susah
2. Makna “menjadikan (sesuatu) sebagai”

(i) /məɲmasaʔ/	= memasak	= menjadikan (lauk) sebagai masakan
(ii) /məɲəɾɔʔ/, /məɲatap/	= mengeruk/ mengatap	= menjadikan (ikan) sebagai tangkapan
(iii) /məɲəmbaʔ/	= mengombak	= menjadikan (air laut) sebagai ombak
(iv) /məɲumpah/	= menyumpah	= menjadikan (kata-kata) sebagai sumpah
(v) /məɲumkan/	= mengumkan	= menjadikan (siput, udang, bulu ayam) sebagai umpan
3. Makna “menggunakan (sebagai alat)”

(i) /məɲjala/	= menjala	= menggunakan jala
(ii) /məɲjaɾeŋ/	= menjaring	= menggunakan jaring
(iii) /məɲemukat/	= memukat	= menggunakan pukat
(iv) /məɲatap/	= mengatap	= menggunakan atap

ANALISIS KATA KERJA DAN FRASA KERJA BAHASA MELAYU KOKOS

(v) /məmanceŋ/	= memancing	= menggunakan pancing
(vi) /məŋgalah/	= menggalah	= menggunakan galah

4. Makna “Menuju ke”

(i) /məŋəbɔɾaŋ/	= menyeberang	= menuju ke seberang
(ii) /məŋjəmbɔɾaŋ/	= menjemberang	= menuju ke seberang
(iii) /məŋadap/	= mengadap	= menghala ke hadapan (laut, lagun)
(iv) /məmbəlakan/	= membelakang	= menuju ke hadapan (pulau)
(v) /məŋaɾah/	= mengarah	= menuju ke arah

5. Makna “mengenakan”

(i) /məndəndə/	= mendenda	= mengenakan denda
(ii) /məŋəbat/	= menyebat	= mengenakan sebat
(iii) /məŋukom/	= menghukum	= mengenakan hukum
(iv) /məncoreŋ/	= mencoreng	= mengenakan atau memakai coreng
(v) /məmaku/	= memaku	= mengenakan paku

6. Makna “memberi” dan “mengemukakan”

(i) /məɾawat/	= merawat	= memberi rawatan
(ii) /məŋhadiahkan/	= menghadiahkan	= memberi hadiah
(iii) /məmbalas/	= membalas	= memberi balas
(iv) /məŋhormati/	= menghormati	= memberi hormat
(v) /məŋusol/	= mengusul	= mengemukakan usul

Penggabungan {me-} dengan kata adjektif sebagai kata dasar

Dalam bahasa Melayu Kokos juga terdapat penggabungan {me-} dengan kata adjektif yang membawa makna “menjadi”, yang memberi kesan yang mendalam terhadap sesuatu perubahan yang berlaku. Contohnya:

(i) /məmbətolkan/	= membetulkan	= menjadi betul
(ii) /məŋhaluskan/	= menghaluskan	= menjadi halus
(iii) /məncanteʔkan/	= mencantikkan	= menjadi cantik
(iv) /mənajamkan/	= menajamkan	= menjadi tajam
(v) /məŋəndor/	= mengendur	= menjadi kendur

Penggabungan {me-} dengan kata ganti nama diri sebagai kata akar

Selain itu, terdapat juga penggabungan {me-} dengan kata ganti nama diri pertama *aku* yang menghasilkan *mengaku*. Menurut Asmah (2008b:92) makna yang terhasil juga dikenal pasti sebagai makna refleksif. Contoh penggabungan ini tidak banyak penggunaannya dalam bahasa Melayu Kokos. Perkataan yang ditemui ialah

- (i) /məŋaku/ = kembali kepada diri sendiri

Contoh ayat:

- (i) Dia sudah mengaku tidak mahu buat apa-apa.
(ii) Pada tahun 1857, pulu yang berkenaan mengaku bahagian separuh dari pemerintahan British Dominion.

Awalan {ber-}

Dalam bahasa Melayu Kokos terdapat juga bentuk awalan {ber-} dalam kata kerja unggulan dan kata kerja terbitan. Pewujudan awalan ini memberi pengertian yang berkait rapat dengan subsistem yang dianggotai oleh kata yang menjadi kata akar atau kata dasarnya. Penggabungan awalan ini berlaku dengan kata kerja, kata nama dan kata bilangan sebagai kata dasar.

Penggabungan {ber-} dengan kata kerja sebagai kata dasar

Dalam konteks ini, {ber-} memberi makna perbuatan atau melakukan sesuatu dengan memperlihatkan tindakan yang nyata. Imbuhan awalan {ber-} dalam bahasa Melayu Kokos, menurut Asmah (2008b:189), ada digunakan dalam teks dan dokumen-dokumen pentadbiran dan sekali-sekala muncul dalam bahasa pertuturan. Antara contoh yang dipetik daripada data yang terkumpul adalah seperti yang berikut:

1. Makna “melakukan sesuatu sebagai kebiasaan”
 - (i) /bəjalan/ = berjalan
 - (ii) /bəlar/ = belajar
 - (iii) /bəraŋkat/ = berangkat
 - (iv) /bəjuar/ = berjuang
 - (v) /bəlumbə/ = berlumba

2. Makna “melakukan sesuatu dengan orang lain secara timbal balik”

- (i) /bəcakap cakap/= bercakap-cakap
- (ii) /bəʔŋkar/ = bertengkar
- (iii) /bəbincan/ = berbincang
- (iv) /bəʔundin/ = berunding
- (v) /bəkawan/ = berkawan (bermain bersama)

3. Makna “melakukan sesuatu pada diri sendiri”

- (i) /bəcəlaʔ/ = bercelak
- (ii) /bərpantan/ = berpantang
- (iii) /bəsoleʔ/ = bersolek
- (iv) /bəsikət/ = bersikat
- (v) /bərgamba/ = bergambar

4. Makna “berlakunya sesuatu tanpa tindakan yang nyata”

- (i) /bələku/ = berlaku
- (ii) /bəʔhubon/ = berhubung
- (iii) /bəʔadə/ = berada (di rumah)
- (iv) /bələlu/ = berlalu
- (v) /bəʔəntənan/ = bertentangan

Penggabungan {ber-} dengan kata nama sebagai kata dasar

Dalam konteks ini, penggabungan {ber-} menunjukkan berlakunya perbuatan atau tindakan yang nyata. Contohnya.

1. Makna “menghasilkan, memberi, mengeluarkan, membaca”

- (i) /bəʔunas/ = bertunas = mengeluarkan tunas
- (ii) /bəmaʔna/ = bermakna = memberi makna
- (iii) /bəkilaw/ = berkilau = mengeluarkan kilau
- (iv) /bəzikir / = berzikir = membaca zikir
- (v) /bədoə/ = berdoa = membaca doa

2. Makna “menggunakan, memakai”

- (i) /bərcuti/ = bercuti = menggunakan cuti
- (ii) /bərkasut/ = berkasut = memakai kasut
- (iii) /bərbaju/ = berbaju = memakai baju
- (iv) /bərsəluar/ = berseluar = memakai seluar
- (v) /bərkəen/ = berkain = memakai kain

3. Makna “mengerjakan, menguruskan”

- | | | |
|-----------------|------------|-----------------------------|
| (i) /bəkəbon/ | = berkebun | = mengerjakan kebun |
| (ii) /bəkəday/ | = berkedai | = menguruskan kedai |
| (iii) /bəniaga/ | = berniaga | = menguruskan perniagaan |
| (iv) /bəkəʔəja/ | = bekerja | = mengerjakan sesuatu kerja |
| (v) /bəʔuməh/ | = berumah | = menguruskan rumah |

4. Makna “bekerja sebagai”

- | | | |
|---------------|-------------|--------------------------|
| (i) /bətukəŋ/ | = bertukang | = bekerja sebagai tukang |
|---------------|-------------|--------------------------|

5. Makna “menghadiri, menjalani”

- | | | |
|------------------|--------------|--------------------------------|
| (i) /bəsekəlah/ | = bersekolah | = belajar di sekolah |
| (ii) /bəkawən/ | = berkahwin | = menjalani proses perkahwinan |
| (iii) /bərtunəŋ/ | = bertunang | = menjalani proses pertunangan |
| (iv) /bəʔumur/ | = berumur | = menjalani hidup |

6. Makna “mempunyai”

- | | | |
|-------------------|---------------|----------------------|
| (i) /bəkumis/ | = berkumis | = mempunyai kumis |
| (ii) /bəkeluargə/ | = berkeluarga | = mempunyai keluarga |
| (iii) /bəʔanaʔ/ | = beranak | = mempunyai anak |
| (iv) /bəragamə/ | = beragama | = mempunyai agama |
| (v) /bəʔistəʔi/ | = beristeri | = mempunyai isteri |

Penggabungan {ber-} dengan kata adjektif sebagai kata dasar

- | | |
|-----------------|------------|
| (i) /bəʔəʔas/ | = berkeras |
| (ii) /bəkilaw/ | = berkilau |
| (iii) /bəʔaŋən/ | = berangin |
| (iv) /bəʔpanas/ | = berpanas |
| (v) /bəʔəlap/ | = bergelap |

Penggabungan {ber-} dengan kata bilangan sebagai kata dasar

Dalam bahasa Melayu Kokos, masyarakat penutur bahasa ini menyatakan kumpulan dan lazimnya kata nombor dalam bentuk berlapis dengan {ber-} yang tidak digandakan dan ada juga yang digandakan. Contohnya:

- | | |
|-------------|----------|
| (i) /bədua/ | = berdua |
|-------------|----------|

- | | | |
|-----------------------|---|----------------------|
| (ii) /bəɾibu ɾibu/ | = | beribu-ribu |
| (iii) /bəɾatos ɾatos/ | = | beratus-ratus |

Awalan {di-}

Awalan ini lazimnya dikenal sebagai awalan pasif yang membawa makna “kena”. Bagi kata dasar yang merupakan kata kerja transitif, kata kerja dengan {me-} boleh mempunyai lawannya dengan kata kerja yang mengandungi {di-}. Dalam bahasa Melayu Kokos, awalan {di} banyak digunakan dalam pertuturan. Contohnya:

- | | | | |
|--------|------------|---|------------------------|
| (i) | menulis | = | ditulis (ditulis) |
| (ii) | menutup | = | ditutup (ditutup) |
| (iii) | menembak | = | ditembak (ditemba?) |
| (iv) | memanggil | = | dipanggil (dipangel) |
| (v) | menyuruh | = | disuruh (disurɔh) |
| (vi) | mengambus | = | dikambus (dikambus) |
| (vii) | membungkus | = | dibungkus (dibunɔs) |
| (viii) | membikin | = | dibikin (dibiken) |
| (ix) | mencatu | = | dicatu (dicatu) |
| (x) | mengayak | = | diayak (diaja?) |
| (xi) | membakar | = | dibakar (dibakar) |
| (xii) | menjahit | = | dijahit (dijaet) |
| (xiii) | menerajang | = | diterajang (ditɔɾajan) |
| (xiv) | mencabut | = | dicabut (dicabot) |
| (xv) | menggalang | = | digalang (digalan) |

Awalan {ter-}

Dalam bahasa Melayu Kokos juga terdapat penggunaan awalan {ter-} yang membawa maksud tidak sengaja, terdaya atau sedia ada, keupayaan, dan sia-sia. Kata dasar bagi semua kata terbitan dengan {ter-} ialah kata kerja. Dari sudut makna, lazimnya dapat dirujuk menurut konteks untuk memastikan makna ayatnya. Contoh:

1. Makna “tidak sengaja”

Dalam bahasa Melayu Kokos, penggunaan {ter-} dengan makna “tidak sengaja” adalah yang paling produktif. Maknanya dapat dirujuk kepada ayat yang berikut.

(i) /tərdəŋar/	= terdengar	= mendengar (sesuatu) secara tidak sengaja
(ii) /tərtəmbaʔ/	= tertembak	= menembak (sesuatu) secara tidak sengaja
(iii) /tərkənə/	= terkena	= mengenai (sesuatu) secara tidak sengaja
(iv) /tərbakar/	= terbakar	= membakar (sesuatu) secara tidak sengaja
(v) /tərbunuh/	= terbunuh	= membunuh (sesuatu) secara tidak sengaja

Penggunaan {ter-} dalam kata-kata di atas memperlihatkan penegasan terhadap perbuatan tidak sengaja yang diperkatakan seperti dalam ayat yang diujarkan oleh orang Melayu Kokos di Pulau Home.

- (i) Kami *terdengar* letupan kuat di laut.
- (ii) Anaknya mati *tertembak* dalam pertempuran itu.
- (iii) Kulit gonggong tidak boleh ditanam dekat rumah sebab di bawah tanah ini ada paip air, takut *terkenalah*.
- (iv) Dulu ada kapal *terbakar* dekat Pulu Luar...apabila dia mahu rapat dan berlabuh, meletup dan *terbakar*...bukan dibakar tetapi *terbakar*.
- (v) Jepun telah menjatuhkan bom di kampung dan ada beberapa orang yang *terbunuh*.

2. Makna “sudah selesai atau sedia ada”

Contohnya:

(i) /tədapat/	= terdapat	= sudah didapati, sudah ada
(ii) /tərguleŋ/	= terguling	= sudah terguling
(iii) /tərsiŋgəŋ/	= tersinggung	= sudah tersinggung perasaan
(iv) /tərhəmat/	= terhormat	= sudah sedia dihormati
(v) /tələtaʔ/	= terletak	= sudah ada

Penggunaan {ter-} di atas dapat dilihat dalam contoh ayat yang berikut:

- (i) Dulu *terdapat* banyak penyu dalam kolam itu.
- (ii) Bot terantak dan kadang-kadang terbanting, tergolek dan *terguling*.
- (iii) Saya memang *tersinggung* sebab dia mesti masuk Islam dulu dan baru kahwin.

ANALISIS KATA KERJA DAN FRASA KERJA BAHASA MELAYU KOKOS

- (iv) Bapa saya orang yang *terhormat*.
- (v) Pulu Luar *terletak* di luar lingkungan pulu-pulu Kokos, sebab itu dibilang Pulu Luar.

3. Makna “upaya, boleh”

Makna ini dapat dilihat dengan jelas dalam konteks ayat dalam bahasa Melayu Kokos.

(i) /təɽiŋat/	= teringat	= upaya mengingat
(ii) /təbuang/	= terbuang	= upaya membuang
(iii) /təɽameʔ/	= terambil	= upaya mengambil
(iv) /təɽaŋkat/	= terangkat	= upaya mengangkat
(v) /tərbuat/	= terbuat	= upaya membuat

Contoh ayat:

- (i) Tahun 1910 siklon besar, pokok-pokok habis semua, *teringat* cerita bapa saya.
- (ii) Rumah di Kokos, dulu bumbungnya atap, pelepah-pelepah berguna, tidak *terbuang*.
- (iii) Lepas perang habis, barang-barang di Pulu Panjang tidak *teramek/terambil*, tidak *terangkat*, tinggal di stor-stor.
- (iv) Sekoci ini *terbuat* dengan kayu jati.

Awalan {per-}

Berdasarkan data yang terkumpul, didapati bahasa Melayu Kokos tidak menggunakan pembentukan kata terbitan dengan {per-} sama ada kata dasarnya kata nama, kata ganti nama mahupun kata bilangan. Tidak seperti di Malaysia, penggunaan awalan ini amat produktif dalam bahasa Melayu.

Namun terdapat juga ayat seperti yang berikut:

- (i) Baju teluk belanga juga *dipertunjukkan* di sini.

Awalan {se-}

Awalan {se-} dalam bahasa Melayu Kokos adalah sebagai awalan kata kerja yang menempati sebelum kata akar atau kata dasar yang merupakan kata nama. Penggunaan kata kerja terbitan ini diikuti oleh adverba. Antara contohnya ialah *sekampung*, *sepupu*, *serentak*, *sebelum*, *sebetul*, *semasa* seperti dalam ayat yang berikut:

- (i) Nenek-nenek yang menyelumbat kelapa duduk *sekampung* dengan Nek Adlan, Nek Rahim dan Nek Ujan.

RAJA MASITTAH RAJA ARIFFIN

- (ii) Jabedah *sepupu* dengan Syikin.
- (iii) Dia berkahwin *serentak* dengan hari pertunangan anak Mak Siti.
- (iv) Burung-burung ini jadi makanan *sebelum* ada ayam dan daging.
- (v) *Sebetulnya* dia sampai di sini tahun 1972.
- (vi) Ini *semasa* dia bergambar dengan pekerja-pekerja kopra.

Akhiran {-kan}

Di Pulau Home, penutur bahasa Melayu Kokos amat gemar menggunakan akhiran {-kan} pada kata kerja biasa dalam ayat. Akhiran {-kan} diletakkan selepas kata kerja transitif, seperti contoh ayat di bawah ini.

- (i) Saya *bacakan* buku dan nyanyi kepada anak-anak kecil.
- (ii) Dia *masukkan* makanan, beras, tepung, gula tanpa duit.
- (iii) Dia *jalankan* pekerjaan ini di Pulu Christmas.
- (iv) British *gantikan* ongkos dengan orang.
- (v) Kita *sembunyikan* kenyataan ini.
- (vi) Dia *hadiahkan* gambar ini untuk muzium.

Akhiran ini dapat bergabung dengan kata dasar yang mewakili pelbagai subsistem.

Penggabungan dengan kata kerja sebagai kata akar atau kata dasar

1. Makna “menyebabkan”, “menjadikan”

Makna ini dikenal juga sebagai makna kausatif dan terdapat kata kerja tak transitif yang bergabung dengan {-kan}. Contohnya:

- (i) mengahwinkan – menjadikan seseorang berkahwin (dengan seseorang)

Penggabungan dengan kata adjektif sebagai kata akar atau kata dasar

membesarkan – menjadikan besar

Penggabungan dengan kata nama sebagai kata akar atau kata dasar yang berfungsi sebagai:

1. Makna “menjadi sebagai”

Kata nama yang menjadi akar atau dasar ialah kata nama yang memasuki

ANALISIS KATA KERJA DAN FRASA KERJA BAHASA MELAYU KOKOS

subsistem kata nama manusia dan bukan manusia. Contohnya:

menghambakan - menjadikan (seseorang) hamba

2. Makna “memasukkan ke (dalam)”

Kata akar atau kata dasar yang berfungsi dalam kata terbitan ini ialah kata nama tak bernyawa dan konkrit yang menunjukkan tempat yang boleh dimasuki.

menyekolahkan - memasukkan sekolah

Contoh ayat: Tuan John menyekolahkan anak saya.

3. Makna “menghasilkan” atau “membawa hasil”

Kata nama tak bernyawa dan konkrit yang tidak sama dengan kata nama dalam pembentukan kata terbitan dengan makna “memasukkan ke (dalam)”. Contohnya:

menghasilkan - membawa hasil

4. Makna “memberi, mengeluarkan”

Kata nama tak bernyawa, konkrit dan abstrak. Contohnya:

menghadiahkan - memberi hadiah

Akhiran {i}

Semua kata kerja terbitan dengan {i} ialah kata kerja transitif, dan boleh menerima awalan {me-} dan {di-} yang mendukung makna yang berbagai-bagai. Antara kata kerja terbitan dengan {i} yang hanya ditemui dalam bahasa Melayu Kokos ialah

menghormati - dihormati

{Ke...-an}

Kata kerja dengan {ke...-an} hanya terdapat dalam predikat. Kata akar atau kata dasar bagi menghasilkan kata kerja jenis ini terdiri daripada kata kerja, kata sifat dan kata nama.

Dengan kata kerja sebagai kata akar atau kata dasar

Makna yang dibawa oleh {ke-...-an} ini ialah “mengalami” dan “berasal” atau “mempunyai”. Contohnya:

- (i) kehilangan (nyawa) - mengalami matinya (meninggalnya) seseorang
- (ii) kematian (isteri) - mengalami matinya (meninggalnya) isteri
- (iii) kerosakan (rumah) - mengalami (rosaknya) rumah
- (iv) keturunan (Melayu) - mempunyai (darahnya) Melayu

Dengan kata sifat sebagai kata akar atau kata dasar

{ke-...-an} membawa makna “mengalami” atau “berasa” dan “menunjukkan”. Contoh:

- (i) kesejukan - berasa sejuk
- (ii) kesenangan - berasa senang
- (iii) kekurangan - berasa kurang (sesuatu)
- (iv) kesusahan - mengalami rasa susah
- (v) kelajuan - mengalami keadaan laju

Contoh ayat:

- (i) Waktu malam *kesejukan*, tidak ada *blanket*.
- (ii) Tuhan sudah beri kita nikmat *kesenangan* pada hari ini.
- (iii) Kita sudah *kekurangan* barang dan tak ada duit.
- (iv) Anak-anak sekarang tidak rasa *kesusahan* seperti kita dulu.
- (vi) *Kelajuan* kepiting hantu sangat menggelikan hati kalau kita lihat.

Kata Kerja Bantu

Kata kerja ini merupakan salah satu subsistem daripada sistem kata kerja yang mempunyai ciri-ciri kata kerja dan sentiasa berdamping dengan kata kerja. Kata kerja bantu terbahagi kepada dua subsistem, iaitu kata kerja aspek dan kata kerja modalitas.

Kata Kerja Aspek

Dalam bahasa Melayu Kokos, seperti juga dalam bahasa Melayu di Malaysia terdapat aspek sudah berlaku, sedang berlaku, masih berlangsung atau belum berlaku terhadap sesuatu perbuatan atau keadaan. Kata kerja aspek berfungsi dengan kata kerja dan kata adjektif. Kata kerja aspek yang

ANALISIS KATA KERJA DAN FRASA KERJA BAHASA MELAYU KOKOS

terdapat dalam bahasa Melayu Kokos terbahagi kepada tiga subsistem, seperti yang dijelaskan di bawah ini.

1. Sudah, *dah* (dalam bahasa lisan), pernah (dalam bahasa formal dan bahasa tulisan *sahaja*)
Contoh ayat ujaran:
 - (i) Rumah di Botanical Garden sekarang *sudah* dijual.
 - (ii) Bila *sudah* habis kerja kahwin, sajen diberikan kepada mak pengantin.
 - (iii) Dia tidak tidur di tempatnya sebab di situ *dah* banyak sajen.
 - (iv) Kalau kita menyambut bulan Maulud, kita *dah start* nasyid.
 - (v) Saya *pernah* nampak dia bercakap-cakap dengan Tuan John.
2. Masih, sedang, tengah (dalam bahasa lisan)
Contoh ayat yang ditemui:
 - (i) Baju basket *masih* juga dipakai oleh penari-penari laki-laki.
 - (ii) Waktu itu saya *masih* lagi jadi ketua.
3. Belum, akan, nak (dalam bahasa lisan)
 - (i) Saya *belum* pandai, *belum* tukang.
 - (ii) Kalau pengantin *belum* melengguk, kita *belum* boleh bangun, pantang larang orang Kokos.
 - (iii) Apabila kita *nak* mula menjaring, buang jaring.

Kata Kerja Modalitas

Kata kerja ini lebih menitikberatkan tujuan, niat dan seumpamanya. Antaranya termasuklah:

1. Mahu dan hendak yang kedua-duanya bergabung dengan kata kerja yang membawa makna keadaan *menjadi*.
Contoh ayat:
 - (i) Kalau kita tak *mahu* rebus, kita terus bakar, lagi sedap.
 - (ii) Ambil isi saja kalau *mahu* bikin ikan goreng.
 - (iii) Kebanyakan orang sudah tidak *mahu* mengenal agama.
2. Modalitas Keupayaan
Dalam bahasa Melayu Kokos terdapat penggunaan *boleh* dan *dapat* sebagai variasi bebas yang membawa makna “keupayaan”, seperti contoh ayat pada halaman 318:

- (i) Siklon tidak *boleh* rosakkan rumah konkrit.
 - (ii) Kalau kita pergi Singapura beli barang, satu ringgit satu barang *boleh* dapat.
 - (iii) Amden tidak *dapat* mengubah haluan, jadi terus diterajangkan.
3. Modalitas Keizinan
- Penggunaan kata “boleh” juga dalam bahasa Melayu Kokos membawa makna keizinan selain makna keupayaan, seperti dalam contoh ayat di bawah ini.
- (i) Kita *boleh* jumpa saudara-mara di jeti saja.
 - (ii) Bunga kangkong ini tidak *boleh* dimakan.
4. Modalitas Kemungkinan
- Modalitas ini meliputi kata “mungkin” dan “tidak boleh” (pelaku manusia) seperti dalam ayat yang berikut.
- (i) Dia *mungkin* tidak datang.
 - (ii) Bila paman datang di sini, baru tahu kita *tidak boleh* makan dan *tidak boleh* pegang *bacon*.
 - (iii) Kita orang Islam *tidak boleh* percaya ilmu sihir.
 - (iv) Kita *tidak boleh* buang sebarang tahi-tahi ikan dan gonggong, kompani tidak benarkan.
5. Modalitas Kemestian
- Selain itu, terdapat juga penggunaan kata “mesti” yang membawa makna “kemestian” dalam bahasa Melayu Kokos. Contohnya:
- (i) Atap rumah itu *mesti* kena ganti.
 - (ii) Kita *mesti* mahu tahu hal ini.

KESIMPULAN

Asal usul bahasa Melayu Kokos yang dituturkan orang Melayu Kokos di Pulau Home adalah dari Kepulauan Melayu, turunan daripada bahasa Melayu Induk purba, iaitu daripada kelompok bahasa Austronesia. Sebagai bahasa serumpun, bahasa Melayu Kokos mempunyai persamaan dalam beberapa aspek dengan bahasa Melayu Nusantara yang lain, khususnya bahasa Melayu di Malaysia.

Pada umumnya, kata-kata dalam bahasa Melayu Kokos terdiri daripada satu morfem atau lebih, iaitu kata-kata yang tidak menerima sebarang imbuhan atau penambah seperti beberapa contoh yang dikemukakan

sebelum ini. Manakala kata-kata yang terdiri daripada dua morfem atau lebih wujud hasil daripada proses pengimbuhan (awalan, akhiran atau sisipan) atau penggandaan atau kedua-duanya. Golongan kata yang banyak menggunakan imbuhan dalam bahasa Melayu Kokos ialah kata kerja dan kata nama. Penambahan awalan, akhiran dan sisipan dalam bahasa Melayu Kokos berlaku sebagai proses morfologi semasa atau mewakili penambahan yang berlaku pada zaman silam sehingga penambah berkenaan tidak lagi dikenal pasti sebagai penambah, dan proses ini dinamakan “pembekuan penambah” (lihat Asmah, 2008:186–87). Antara imbuhan yang masih produktif ialah *me-*, *di-*, *se-*, *-an*, *pe-...-an*, dan sebagainya.

Dengan berdasarkan data dan melalui pemerhatian lapangan, orang Melayu Kokos amat gemar menggunakan akhiran {-kan} pada kata kerja sebagai kata dasar dalam ujaran mereka, seperti beberapa contoh yang telah dikemukakan sebelum ini, yang seharusnya menggunakan imbuhan awalan {*me-N*}. Oleh sebab itu, subsistem yang mudah dikenal pasti dalam bahasa Melayu Kokos ialah kata kerja dengan akhiran {-kan} yang menunjukkan subsistem proses, seperti yang dijelaskan oleh Asmah (2008b: 109), bahawa kata kerja perbuatan (*active verb*) menunjukkan adanya gerak dinamik atau proses tetapi kata kerja statif (*stative verb*) atau keadaan tidak menunjukkan adanya gerak. Oleh sebab itu, kata kerja dengan awalan {*me-*} tergolong dalam subsistem perbuatan atau proses seperti dalam *membuat*, *menulis*, *melakukan*, tetapi kata-kata seperti *meninggal*, *mati*, *mimpi* dan sebagainya tidak menunjukkan adanya proses tetapi hanya menggambarkan keadaan. Satu lagi gejala bahasa yang kerap wujud dalam ayat ujaran orang Melayu Kokos ialah penghilangan atau pengguguran imbuhan awalan {*me-*} pada kata dasar, seperti *mancing* dan *ngomong*.

Dalam bahasa Melayu Kokos, tidak terdapat penggunaan akhiran {-i} yang mendukung pelbagai makna seperti dengan kata kerja sebagai kata dasar (seperti *mengahwini*, *menyertai*, *menyayangi*); dan yang membawa makna arah dan tempat (seperti *menaiki*, *menanami*); dengan kata adjektif (seperti *membraiki*); dan dengan kata nama yang membawa pelbagai makna (seperti *menempati*, *memagari*, *menyisiki*, *mengetuai* dan *merasai*). Pada umumnya mereka tidak menggunakan bentuk-bentuk ini dalam ujaran sehari-hari, kecuali penggunaan perkataan “menghormati” yang ditemui.

Dalam bahasa Melayu Kokos juga, kata akar atau kata dasar bagi menghasilkan kata kerja dengan {*ke-...-an*} wujud pada kata kerja dan kata adjektif tetapi tidak pada kata nama yang membawa makna “mengalami” dan “terkena” seperti “kehujan” (terkena hujan). Dari sudut penggunaan imbuhan awalan dan akhiran {*ber-...-an*} pula, penutur bahasa Melayu

Kokos di Pulau Home hanya menggunakan imbuhan awalan {ber-} seperti “berkilau” tetapi tidak ditemui langsung kata terbitan dengan makna perbuatan berulang atau terus-menerus yang bergabung dengan kata dasar yang digandakan (seperti berkilauan – berkilau-kilauan – berkilau-kilau). Antara kata dasar yang ditemui ialah “arak-arakan, tembak-menembak, dan mengadu-ngadu).

Seperti juga dalam bahasa Melayu di Malaysia, bahasa Melayu Kokos memperlihatkan kewujudan aspek sudah berlaku, sedang berlaku, masih berlangsung atau belum berlaku terhadap sesuatu perbuatan atau keadaan. Kata kerja aspek dapat berfungsi dengan kata kerja dan kata adjektif. Kata kerja aspek yang terdapat dalam bahasa Melayu Kokos terbahagi kepada tiga subsistem, iaitu sudah, dah (dalam bahasa lisan), pernah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, dalam ujaran, orang Melayu di pulau ini tidak menggunakan langsung perkataan “telah”, malah mereka tidak tahu makna sebenar kata tersebut. Hal ini dijelaskan oleh Haji Hawkins, seorang yang berpengaruh di pulau itu. Menurutnya: “saya tidak tahu apa yang dikatakan ‘telah’ itu.”

Huraian di atas dapat dirumuskan bahawa bahasa Melayu Kokos yang dituturkan di Pulau Home memperlihatkan penggunaan kata kerja sebagai sistem nahu yang terbahagi kepada subsistem-subsistem dengan lebih rapi. Kata kerja dalam bahasa ini terbahagi kepada kata kerja unggulan dan kata kerja terbitan dan juga kata kerja berlapis seperti yang terdapat dalam bahasa Melayu di Malaysia. Walau bagaimanapun, menurut Asmah (2008:189) penambah-penambah yang terdapat dalam bahasa Melayu Kokos “masih belum mantap” kerana kehadiran penambah-penambah dalam bahasa Melayu Kokos itu masih baharu lagi. Kemasukannya dipercayai bermula apabila wanita-wanita Melayu dari Singapura berkahwin dengan lelaki Kokos dan bermastautin di Pulau Home. Perpindahan mereka ke Pulau Home membawa bersama-sama mereka budaya dan bahasa.

RUJUKAN

- Adelaar, K. Alexander, 1995. “Malay in the Cocos (Keeling) Islands” Kertas kerja dalam Kongres Bahasa Melayu Sedunia, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar, 2004. “Bahasa dan Budaya Melayu Kokos: Suatu Perkenalan” dlm. *Jurnal Peradaban Melayu*. 2: 72–95.
- Asmah Haji Omar, 2005. *Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Bahasa Melayu di Samudera Benih yang Baik Menjadi Pulau*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

ANALISIS KATA KERJA DAN FRASA KERJA BAHASA MELAYU KOKOS

- Asmah Haji Omar, 2008a. *The Malays in Australia Language, Culture, Religion*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008b. *Nahu Kemas Kini Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Bahasa Pulu Cocos A Dictionary of the Languages for the Cocos (Keeling) Islands*. [n.d.]. Fremmentle (Australia): MBE Fremmentle.
- Bunce, Pauline, 1993. *Kepulauan Cocos (Keeling) Masyarakat Melayu di Australia*. Diterjemah oleh Padilah Haji Ali. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, et al., 1994. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Masittah Raja Ariffin, 2004. “Menjejaki Bahasa Melayu Di Pulau Kokos” dlm. *Dewan Bahasa*. 4(9): 42–45.
- Raja Masittah Raja Ariffin, 2005. Rumpun Melayu Kokos: Suatu Persepsi. [Kertas kerja yang dibentangkan pada Seminar Mengenai Za’ba II, Tanjong Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris]; dlm. Asmah Haji Omar (ed.) *Sama Serumpun*, hlm. 25–38. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Raja Masittah Raja Ariffin, 2007. “*Status Bahasa Melayu di Pulau Kokos, Australia*”. Tesis PhD. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Raja Masittah Raja Ariffin dan Che Ibrahim Haji Salleh, 2008. “Bahasa Melayu di Pulau Kokos: Suatu Tinjauan Sociolinguistik” dlm. *Jurnal Bahasa* Jil. 8 Bil 2. Disember 2008, hlm. 315–39.
- Wan Hashim Wan Teh, 1989. *Merunut Akar Meraih Bumi dan Kepulauan Cocos (Keeling) Masyarakat Melayu di Australia*. [t.p].
- Wan Hashim Wan Teh dan A. Halim Ali, 1999. *Rumpun Melayu Australia Barat*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.